

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 14 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN : 21

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah kes aduan diterima oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia sejak pelancaran hotline Whatsapp, jenis kes yang dilaporkan oleh pengguna serta kes yang telah diambil tindakan oleh pihak berkuasa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak akan berkompromi dan sentiasa komited untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang menggugat keselamatan, kestabilan dan keharmonian negara yang menjurus kepada polemik perkauman, agama dan Institusi Beraja.
2. Dalam hal ini, satu jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Jenayah Siber PDRM-MCMC telah ditubuhkan untuk memerangi ancaman jenayah siber secara lebih strategik dan tersusun terutamanya apabila ianya melibatkan isu-isu sensitif seperti 3R (*race, religion, royalty* dengan izin).
3. Pihak SKMM juga telah mewujudkan satu platform khas penyaluran maklumat insiden atau kandungan sensitif 3R (Platform 3R) pada 17 Ogos 2019 bagi membolehkan rakyat Malaysia memberi maklumat mengenai penyebar kandungan berunsur perkauman,

keagamaan dan menghina institusi Diraja demi kepentingan bersama. Sebanyak **21,296** maklumat telah diterima daripada orang awam melalui media sosial bagi tempoh enam minggu pertama sejak dilancarkan.

4. Daripada jumlah keseluruhan maklumat yang diterima, **19,968** masih dalam proses pengesahan manakala **259 maklumat** yang diterima telahpun diambil tindakan. Antara tindakan yang diambil termasuklah memulakan siasatan terhadap penyebar maklumat berkenaan, laporan penyalahgunaan dan penurunan kandungan dengan kerjasama pihak penyedia platform media sosial, serta rujukan kepada pihak berkuasa lain untuk tindakan susulan. Tempoh tindakan susulan yang diambil adalah berbeza mengikut setiap kes. Penelitian SKMM mendapati **80%** daripada maklumat yang diterima mempunyai kandungan berbaur perkauman manakala **20%** lagi menjurus kepada isu agama.

5. Dalam perkembangan berkaitan, SKMM dengan kerjasama PDRM baru-baru ini telah melakukan serbuan di 14 lokasi di 7 buah negeri iaitu Kedah, Kuala Lumpur, Pahang, Perak, Selangor, Sabah dan Sarawak. Sebanyak 14 suspek yang berusia antara 23 dan 61 tahun itu telah diambil keterangan untuk membantu siasatan kes.

6. Selain itu, pelbagai program pendidikan dan kesedaran giat dijalankan dalam usaha memastikan penggunaan media sosial dibuat secara berhemah. Program Klik Dengan Bijak (KDB) yang diperkenalkan pada 2012 memberi penekanan kepada pembudayaan penggunaan Internet secara berhemah menerusi 3 teras utama iaitu Keselamatan, Kewaspadaan dan Tanggungjawab yang menitikberatkan kawal selia sendiri. Kini, program tersebut telah menjangkau hampir 5 juta rakyat Malaysia. Di samping itu, portal Sebenarnya.my membolehkan rakyat Malaysia menyemak kesahihan maklumat yang diterima sebelum berkongsi dengan orang lain.

7. Pihak Kerajaan juga mahu mengingatkan rakyat Malaysia supaya bertindak matang dengan tidak memuat naik sebarang mesej berbaur 3R yang boleh mengganggu gugat ketenteraman dan keharmonian awam.